

PERATURAN PERMAINAN CATUR**1. Peraturan Teknikal****1.1 Undang - undang permainan**

1.1.1 Peraturan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) dan Peraturan Am Sukan SUKIPT

1.2 Perkara yang tidak dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan AM SUKIPT IV

2. Peraturan Pertandingan**2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan**

- 2.1.1 Kategori Individu Lelaki
- 2.1.2 Kategori Individu Perempuan
- 2.1.3 Kategori Kumpulan Lelaki
- 2.1.4 Kategori Kumpulan Perempuan

2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

- 2.2.1 Kategori Individu Lelaki: Setiap institusi boleh menghantar maksimum 4 orang pemain bagi kategori Individu Lelaki.
- 2.2.2 Kategori Individu Perempuan: Setiap institusi boleh menghantar maksimum 4 orang pemain bagi kategori Individu Perempuan.
- 2.2.3 Kategori berpasukan Lelaki: Setiap pasukan mestilah terdiri daripada 4 orang pemain yang telah didaftarkan untuk kategori Individu Lelaki.
- 2.2.4 Kategori berpasukan Perempuan: Setiap pasukan mestilah terdiri daripada 4 orang pemain yang telah didaftarkan untuk kategori Individu Perempuan.

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan secara Sistem Swiss, Pairing System, Tujuh pusingan atau Sembilan pusingan atau Sebelas pusingan. Jumlah pusingan adalah mengikut jumlah penyertaan yang diterima oleh pengelola.
- 2.3.2 Dalam 2 pusingan terakhir, mana-mana pemain yang memiliki mata melebihi 50% dalam pusingan tersebut tidak boleh berlawan dengan pemain dari pasukan yang sama.
- 2.3.3 Penentuan mata
 - 3.3.2.1 Menang - 1 mata
 - 3.3.2.2 Seri - ½ mata
 - 3.3.2.3 Kalah - 0 mata
- 2.3.4 Sekiranya terdapat pemain yang berkongsi mata yang sama selepas pusingan terakhir, sistem pemutus seri (tie-break) berikut akan digunakan:
 - i) Buchholz
 - ii) Sonneborn-Berger
 - iii) Cumulative
- 2.3.5 Bagi acara berpasukan, mata selepas pusingan terakhir dari empat pemain dalam pasukan yang sama akan dijumlahkan untuk menentukan pemenang.
- 2.3.6 Sekiranya terdapat pasukan yang berkongsi mata yang sama selepas pusingan terakhir, sistem pemutus seri (tie-break) berikut akan digunakan:

- i) Jumlah agregat kedudukan individu setiap pemain
- ii) Buchholz
- iii) Sonneborn-Berger
- 2.3.7 Kawalan masa untuk setiap permainan akan menggunakan jam catur
- 2.3.8 Tempoh masa permainan adalah 60 minit untuk setiap pemain.
- 2.3.9 Setiap pemain dikehendaki merekod setiap pergerakan yang dilakukan.

2.4 Pakaian Pertandingan

- 2.4.1 Rujuk Perkara Peraturan Am SUKIPT.
- 2.4.2 Pemain hendaklah berpakaian kemas, tidak menjolok mata serta tidak mengganggu penglihatan pihak lawan.
- 2.4.3 Pemain perlu memakai kasut. Selipar tidak dibenarkan.
- 2.4.4 Setiap pasukan diwajibkan memakai pakaian seragam mengikut institusi masing-masing.

2.5 Peralatan Pertandingan

- 2.5.1 Set Catur dan Jam Catur akan disediakan oleh pihak penganjur.

2.6 Hadiah Kemenangan

- 2.6.1 Senarai hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Permainan	Emas		Perak		Gangsa		Jumlah	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Catur	4	10	4	10	4	10	12	30
Individu								
Lelaki	1	1	1	1	1	1	3	3
Wanita	1	1	1	1	1	1	3	3
Berpasukan								
Lelaki	1	4	1	4	1	4	3	12
Wanita	1	4	1	4	1	4	3	12

3. Ringkasan Penyertaan

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Individu dan Berpasukan	4	4	2	10